

**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**



---

**SURAT ARAHAN KETUA PENGARAH  
JABATAN PENGAJIAN POLITEKNIK  
BIL. 9/2015**

**KERJASAMA UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN  
DOMESTIK DAN MENANGGUHKAN PEMBELIAN ASET LUAR  
NEGARA**

---

**KANDUNGAN**

|                                    |          |
|------------------------------------|----------|
| <b>1. Tujuan</b> .....             | <b>3</b> |
| <b>2. Latar Belakang</b> .....     | <b>3</b> |
| <b>3. Arahan Pelaksanaan</b> ..... | <b>3</b> |
| <b>4. Kuatkuasa</b> .....          | <b>4</b> |

## 1. TUJUAN

Tujuan Surat Arahan Ketua Pengarah ini adalah untuk memaklumkan tentang arahan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) melalui surat rujukan **KK/GIC/G®10/5/535/391/1 SK.5 (2)** bertarikh **26 Disember 2014** mengenai **Kerjasama Untuk Meningkatkan Pelaburan Domestik Dan Menangguhkan Pembelian Aset Di Luar Negara** kepada Ketua Bahagian/ Pengarah Politeknik dan semua penjawat awam di Jabatan Pengajian Politeknik, Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

## 2. LATAR BELAKANG


Di dalam surat KSP bertarikh 26 Disember 2014 dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan bersama agensi Kerajaan berkaitan sedang menyelaraskan ***policy response*** bagi membantu Kerajaan membuat keputusan dasar mengenai ekonomi dan kewangan pada awal Januari 2015 berikutan kejatuhan mendadak harga minyak mentah dan nilai mata wang Ringgit Malaysia (RM). Setelah mengambil kira senario ekonomi global yang tidak menentu pada Tahun 2015, Kerajaan pada 17 Disember 2014 berpandangan bahawa penggunaan domestik wajar dipertingkatkan untuk terus menjana dan menyokong aktiviti Negara.

## 3. ARAHAN PELAKSANAAN

Bagi mendukung usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan domestik ini, syarikat milik dan berkaitan Kerajaan serta Badan berkanun dan Syarikat Subsidiarinya perlu **memberi keutamaan kepada pelaburan domestik serta menangguhkan serta merta pembelian aset di Luar Negara** bagi mengurangkan pengaliran keluar dana.

**3 KUATKUASA**

Arahan ini **berkuatkuasa serta-merta** dan sah selagi tiada arahan pembatalan dikeluarkan.



( YBHG. DATUK HJ. MOKLIS BIN JAAFAR )

KPT/ JPP/BKP(S)/07/01/025 ( 9 )

16 Januari 2015



**Ketua Setiausaha Perbendaharaan**  
(Secretary General of Treasury)

Kompleks Kementerian Kewangan  
No.5, Persiaran Perdana  
Presint 2  
62592 PUTRAJAYA  
Tel. : 03-88823333  
Telefaks : 03-88824224  
Telex : FEDTRY MA 30242  
Laman Web : www.treasury.gov.my

KK/GIC/G(R)10/535/391/1 SK.5(2)

26 Disember 2014

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/ Dato' /YBrs.Dr./lr/Tuan/Puan,

**KERJASAMA UNTUK MENINGKATKAN PELABURAN DOMESTIK DAN MENANGGUHKAN PEMBELIAN ASET DI LUAR NEGARA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/ Dato'/YBrs.Dr./lr/Tuan/ Puan, Kementerian Kewangan bersama agensi Kerajaan berkaitan sedang menyelaras *policy response* bagi membantu Kerajaan membuat keputusan dasar mengenai ekonomi dan kewangan pada awal Januari 2015 berikutan kejatuhan mendadak harga minyak mentah dan nilai mata wang Ringgit Malaysia. Sementara itu, setelah mengambil kira senario ekonomi global yang tidak menentu pada tahun 2015, Kerajaan pada 17 Disember 2014 berpandangan bahawa penggunaan domestik wajar dipertingkatkan untuk terus menjana dan menyokong aktiviti ekonomi negara.


3. Sehubungan itu, bagi mendukung usaha Kerajaan untuk meningkatkan penggunaan domestik ini, syarikat milik dan berkaitan Kerajaan serta badan berkanun dan syarikat subsidiarinya perlu memberi keutamaan kepada pelaburan domestik serta menanggungkan serta merta pembelian aset di luar negara bagi mengurangkan pengaliran keluar dana.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Datuk/ Dato' /YBrs.Dr./lr/Tuan/Puan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
(TAN SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH)

s.k: Penasihat Kementerian Kewangan  
Semua Ahli Lembaga Pengarah wakil MOF } melalui e-mel  
Semua pegawai GIC dan SBM }